

Tinjauan Persepsi Dan Motivasi Pelajar Bukan Muslim Terhadap Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Arab Di UiTM Sabah

Muhamad Azhar bin Zubir

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara

Mohamad Hazwan bin Abdul Rahman*

Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia

Muhammad Sabri bin Sahrir

Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Corresponding author: mohamad hazwan@usim.edu.my

الملخص

إن اللغة العربية ترتبط ارتباطاً وثيقاً بالمجتمع المسلم منذ قديم الزمن حيث إنها لغة القرآن الكريم. في الوقت الراهن، احتلت هذه اللغة مكاناً في قلوب المجتمع الماليزي وتجاوز اهتمام تعلمها الدين والعرق. إن دورات اللغة العربية تُقدّم للدارسين غير المسلمين في كثير من مؤسسات التعليم العالي الماليزي حالياً وهذا يشير إلى أن تعلم هذه اللغة أصبح من أهمّ متطلبات لديهم. ومع الأسف تظلّ الأبحاث المتعلقة بتعلم اللغة العربية بين الدارسين غير المسلمين محدودة إلى الآن. لذلك، تهدف هذه الدراسة إلى استقصاء موقف الدارسين غير المسلمين ودوافعهم نحو تعلم اللغة العربية كلفة أجنبية. وهذا الأمر ضروريّ وذلك لضمان المحتويات الدراسية التي تم تقديمها في الجامعات يتوافق مع أهداف تعلم اللغة. تم إجراء الدراسة كمية تشمل 38 طالباً وطالبة في جامعة تكنولوجيا مارا في كوتا كينابالو بولاية صباح. أظهرت النتيجة أن معظم الدارسين كانوا متحفزين بشدة لتعلم اللغات الأجنبية (M=4.400). وكانت النتيجة مختلفة عندما يتعلق الأمر بالدافع لتعلم اللغة العربية، حيث كانت على مستوى معتدل مرتفع (M=3.935). وأما يتعلق بدافعية الطلاب تجاه تدريس اللغة العربية كانت على مستوى عالٍ (M=4.367). كما كشفت النتائج أن دوافع الطلاب تجاه الفرص الوظيفية والسياحة والتجارية كانت على مستوى معتدل مرتفع (M=3.600). وفي نهاية الدراسة يقدم الباحثون المناقشة حول الاقتراحات والآراء من قبل الدارسين غير المسلمين بهدف تحسين عملية تعلم وتدريس اللغة العربية في المستقبل. ويرجى منها أن تكون نافعة للجامعات، والأكاديميين، والمسؤولين في هذا المجال.

الكلمات المفتاحية: موقف الطلبة، دافعية، اللغة العربية، الدارسون غير المسلمين، التعليم والتعلم

Abstrak

Bahasa Arab sangat sinonim dengan umat Islam sejak sekian lama sebagai bahasa Al-Quran. Dewasa ini, bahasa ini sudah mendapat tempat yang memberangsangkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Minat kepada pembelajaran bahasa Arab sudah merentasi agama, bangsa dan etnik. Penawaran kursus bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim di institusi-institusi pengajian tinggi menjadi petunjuk bahawa pembelajaran bahasa Arab kian menjadi perhatian. Namun begitu, kajian berkaitan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim dilihat masih kurang. Justeru, fokus utama kajian ini adalah untuk meninjau persepsi dan motivasi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Perkara ini penting agar usaha memastikan kandungan silibus yang diajar di universiti selari dengan objektif pembelajaran bahasa ini. Kajian kuantitatif digunakan melibatkan 38 orang pelajar di peringkat Sarjana Muda, Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kota Kinabalu, Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden menunjukkan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa asing ($M=4.400$). Dapatan kajian yang berbeza ditunjukkan apabila melihat kepada motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab yang berada di tahap sederhana tinggi ($M=3.935$). Manakala persepsi terhadap pengajaran bahasa Arab berada di tahap tinggi ($M=4.367$). Selain itu, hasil dapatan menunjukkan motivasi pelajar terhadap prospek kerjaya, pelancongan dan perniagaan berada di tahap sederhana tinggi ($M=3.600$). Beberapa cadangan dan pandangan responden dibincangkan bagi tujuan penambahbaikan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab pada masa akan datang. Diharap bahawa hasil dapatan ini memberi manfaat kepada universiti, ahli akademik dan orang yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

Kata kunci: Persepsi, Motivasi, Bahasa Arab, Pelajar Bukan Muslim, Pengajaran dan Pembelajaran

PENDAHULUAN

Pembelajaran bahasa Arab telah lama dikaitkan dengan konteks agama Islam, tetapi dewasa ini semakin ramai individu daripada pelbagai latar belakang agama dan etnik khususnya bukan Islam yang berminat untuk mempelajari dan menguasai bahasa ini. Di peringkat universiti awam (UA) kursus bahasa Arab sudah lama ditawarkan sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing pilihan kepada bukan Muslim sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Tinggi termasuk juga sebagai kursus bahasa tambahan bagi masyarakat awam bagi tujuan khas. Antara universiti tersebut adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), dan beberapa universiti lain (Muhammad Sabri, 2015; Muhammad Sabri & Ilyani, 2019; Muhammad Sabri, Nurulhuda & Ilyani, 2022).

Manakala di UiTM, penawaran kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah bertujuan memberi pendedahan asas bahasa Arab seperti pengayaan kosa kata dan penerapan tatabahasa. Empat kemahiran utama iaitu kemahiran membaca, mendengar, menulis dan bertutur juga turut ditekankan dan dititikberatkan. Antara objektif pembelajaran kursus bahasa Arab bagi kursus *Introductory Arabic* Tahap 1 (TAC401), Tahap 2 (TAC451), Tahap 3 (TAC501) adalah (1) mempamerkan kemahiran sosial semasa berinteraksi menggunakan bahasa Arab, (2) menunjukkan bahasa norma semasa berinteraksi menggunakan bahasa Arab, (3) menunjukkan

asas kebolehan menulis, membaca, mendengar dan bertutur bahasa Arab dalam pelbagai situasi. Antara contoh topik yang dipelajari oleh para pelajar bukan Muslim adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh Topik Sukatan Bahasa Arab

Bil	Pemahaman Teks	Topik Tatabahasa
1	الدَّرْسُ الْأَوَّلُ: أَنَا مَا لِيَزِي	الإفْرَادُ وَالتَّثْنِيَّةُ وَالْجُمْعُ
2	الدَّرْسُ الثَّانِي: أُسْرَتِي سَعِيدَةٌ	التَّذْكِيرُ وَالتَّأْنِيثُ
3	الدَّرْسُ الثَّلَاثُ: بَيْتِي جَمِيلٌ	الضَّمَائِرُ
4	الدَّرْسُ الرَّابِعُ: الطَّعَامُ لَدِيدٌ	الْفِعْلُ الْمَاضِي وَالْمَضَارِعُ
5	الدَّرْسُ الْخَامِسُ: هُوَ نَشِيطٌ	اسْمُ الْإِشَارَةِ

PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BAGI BUKAN MUSLIM

Kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim masih kurang diberi penekanan oleh ramai pihak. Pembelajaran bahasa Arab bukanlah suatu perkara yang mudah bagi pelajar bukan Muslim walaupun diperingkat permulaan (Mohd Taqwuddin, 2022). Persepsi pelajar terhadap bahasa Arab perlulah dikawal dan dikendalikan dengan baik agar tahap motivasi mereka tidak terjejas akibat kesukaran mempelajari bahasa ini. Menurut hasil dapatan kajian Nasir M. S. dan rakan-rakan (2017) mendapati pelajar bukan Muslim mempamerkan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Manakala laporan kajian Aladdin (2010) sedikit berbeza dimana pelajar bukan Muslim mempamerkan tahap motivasi yang sederhana terhadap pembelajaran bahasa ini. Namun begitu, Wahyuni et al (2011) melaporkan keputusan peratusan tahap motivasi pelajar yang rendah terhadap pembelajaran bahasa Arab. Sikap pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab ini dilihat berbeza bergantung kepada pelbagai faktor.

Kegagalan seseorang pelajar menguasai sesuatu bahasa merujuk kepada banyak faktor. Aladdin (2013) menyatakan terdapat sembilan faktor utama yang menyumbang kepada hilangnya motivasi (*demotivated*) pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab iaitu (1) faktor silibus pendidikan, (2) faktor guru, (3) faktor suasana kelas, (4) pandangan negatif terhadap bahasa asing, (5) faktor kandungan bahan pembelajaran, (6) faktor keperluan universiti, (7) faktor masa, (8) faktor kemampuan individu, dan (9) faktor ketiadaan peluang mempraktikkan bahasa. Menurut Manurung et al dan Ritongga et al (2023) faktor agama juga memberi kesan kepada motivasi pelajar apabila dilihat bahasa Arab ini membawa identiti Islam secara keseluruhan.

Namun begitu, faktor kesukaran bahasa Arab dilihat menjadi faktor utama kepada kelemahan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar bukan Muslim (Nasir. M et al (2017), Aladdin (2021), Jumadi et al (2023)). Bahasa Arab sukar dipelajari bermula dari aspek sebutan (pronunciation), penulisan (orthography), tatabahasa (syntax), dan kosa kata (vocabulary). Kepincangan dalam menguasai kosa kata akan memberi kesan menyeluruh kepada penguasaan bahasa tersebut (Shaiful Baharum A. et al (2020), Mohamad Hazwan (2021)). Dalam erti kata lain, pelajar bukan Muslim merasakan bahasa ini terlalu susah untuk dipelajari kerana banyak perkara perlu ditekankan semasa proses pembelajaran. Impaknya, mereka mempamerkan sikap dan motivasi yang rendah apabila mula mempelajari bahasa ini.

Menurut Cohen dan Dornyei (2002) motivasi adalah kunci kepada seseorang pelajar, tanpa kunci tersebut, tiada apa yang akan berubah. Sehingga kini, beberapa usaha diperingkat pengajian tinggi telah dilakukan bagi memastikan tahap motivasi pelajar terhadap bahasa Arab berada di tahap yang baik dan dapat diterjemahkan dalam bentuk penguasaan bahasa tersebut (Aladdin, 2010). Beberapa strategi pembelajaran bahasa Arab dicadangkan oleh Jumadi et al (2023), Mohd Yazid et al (2022) dan Ariffin et al (2015) bagi menarik minat pelajar bukan Muslim untuk terus mengekalkan momentum pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu, faktor diri sendiri merupakan tunjang utama dalam penguasaan sesuatu bahasa. Justeru, pengkaji melihat terdapat kewajaran untuk meninjau tahap motivasi dan persepsi pelajar bukan Muslim terhadap bahasa Arab agar pengajaran bahasa ini kekal relevan di semua peringkat pengajian tinggi.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa asing (*foreign language*)?
2. Apakah persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab?
3. Bagaimana tahap motivasi pelajar bukan Muslim terhadap tujuan pembelajaran bahasa Arab?

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat persepsi dan tahap motivasi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah tinjauan (Creswell, 2011) serta melibatkan penggunaan satu set borang kaji selidik yang diadaptasi daripada kajian Mohd Shahrizal dan rakan-rakan (2015).

Persampelan kajian

Kajian ini melibatkan seramai 38 orang responden yang dipilih secara purposif daripada kalangan pelajar bukan Muslim yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah pada semester 2, 2022/2023. Penyelidik memilih untuk menggunakan teknik persampelan purposif berdasarkan pengetahuan khusus responden, dan pengalaman khusus berkaitan dengan mereka dengan kajian ini (Robinson, 2014). Para responden telah mendaftar dalam kesemua kursus bahasa Arab yang ditawarkan iaitu kursus *Introductory Arabic* (Tahap1, Tahap 2 dan Tahap 3). Bilangan keseluruhan pelajar bukan Muslim UiTM Sabah yang mendaftar kursus ini tidaklah begitu ramai. Justeru, pengkaji hanya memilih 70 peratus sahaja dari bilangan keseluruhan bagi kajian ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen borang kaji selidik untuk mendapatkan data dari responden secara kuantitatif. Item soalan telah diadaptasi dari kajian lepas seperti kajian Mohd Shahrizal dan rakan-rakan (2015) dan melalui sedikit modifikasi mengikut kesesuaian konteks. Instrumen soal selidik ini mempunyai empat elemen utama iaitu persepsi terhadap pembelajaran bahasa asing, persepsi terhadap pembelajaran bahasa Arab, persepsi terhadap pengajaran bahasa Arab dan tahap motivasi responden terhadap tujuan mempelajari bahasa Arab. Kajian ini melibatkan 38 soalan tertutup (*close-ended question*) dengan menggunakan skala likert (1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju). Satu soal selidik terbuka (*open-ended question*) juga diguna pakai

dengan tujuan melihat pandangan serta cadangan responden untuk meningkatkan minat dan motivasi mereka dalam mempelajari bahasa Arab.

Kajian Rintis

Sebelum pengumpulan data bermula, kajian rintis telah diadakan bagi mengetahui kesesuaian dan kefahaman responden terhadap item-item yang dibina di dalam borang soal selidik. Menurut Johanson dan Brooks (2010) saiz sampel minimum untuk peserta kajian rintis adalah 30 peserta. Justeru, pengkaji telah memilih secara rawak 30 responden untuk menguji tahap item soalan yang dibina. Kajian ini menggunakan perisian IBM SPSS Statistik 26 untuk menganalisis nilai Pekali Alpha Cronbach. Skor kebolehpercayaan pekali Alpha Cronbach bagi kajian ini adalah 0.938. Skor ini dianggap baik kerana melebihi nilai 0.8 menurut Nunnally (1978). Keputusan menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini boleh dipercayai dan boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 31 orang (81.6%) manakala lelaki hanya 7 orang (18.4%). Dari 38 orang responden terdapat 20 orang (52.6%) dari etnik kadazandusun, 8 orang (21.1%) dari etnik Iban, 4 orang (10.5) dari Rungus, 1 orang (2.6%) dari Bidayuh dan 5 (13.2%) orang dari etnik lain-lain. Dari aspek pengalaman mempelajari bahasa Arab pula hampir sebahagian responden iaitu 22 orang (57.9%) tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini dan selebihnya 16 orang (42.1%) mempunyai pengalaman mengikuti pembelajaran bahasa Arab.

Dapatan Soal Selidik

Terdapat empat elemen utama yang dikaji iaitu persepsi terhadap pembelajaran bahasa asing, persepsi terhadap pembelajaran bahasa Arab, persepsi terhadap pengajaran bahasa Arab dan tahap motivasi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab. Data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dan dilaporkan dengan menggunakan nilai min (M) dan sisihan piawai (SP). Kajian ini menggunakan nilai interpretasi skor min yang disarankan oleh Nunnally (1978). Nilai min 1.00 – 2.00 menggambarkan motivasi responden berada di tahap rendah, manakala 2.01 – 3.00 berada di tahap sederhana rendah, 3.01 – 4.00 di tahap sederhana tinggi dan 4.01 – 5.00 berada di tahap tinggi.

Jadual 2: Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Asing

Item	N	M	SP	Tahap
1. Saya suka belajar bahasa asing.	38	4.263	0.644	Tinggi
2. Belajar bahasa asing menarik minat saya.	38	4.394	0.594	Tinggi
3. Saya ingin belajar sebanyak mungkin bahasa asing.	38	4.289	0.802	Tinggi
4. Saya ingin belajar bahasa asing yang lain selepas mempelajari bahasa arab.	38	4.421	0.598	Tinggi
5. Saya berharap mampu bertutur dalam bahasa asing dengan baik.	38	4.657	0.582	Tinggi
Purata skor min		4.40		- Tinggi

Jadual 2 menyenaraikan 5 item berkaitan persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa asing. Kesemua item ini menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap bahasa asing berada pada tahap yang tinggi. Nilai min tertinggi dicatatkan pada item “Saya berharap mampu bertutur dalam bahasa asing dengan baik” (M=4.657), kemudian disusuli dengan item “Saya ingin belajar bahasa asing yang lain selepas mempelajari bahasa Arab” (M=4.421). Majoriti responden juga bersetuju bahawa mereka amat positif dengan pembelajaran bahasa asing selain bahasa Arab (Min=4.289).

Jadual 3: Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Item	N	M	SP	Tahap
1. Bahasa Arab merupakan antara bahasa terpenting di dunia.	38	3.684	0.808	Sederhana Tinggi
2. Saya rasa tempoh yang ditawarkan oleh UiTM memadai bagi saya mempelajari bahasa Arab.	38	3.342	1.145	Sederhana Tinggi
3. Mempelajari bahasa Arab adalah suatu pengalaman yang menarik.	38	4.578	0.551	Tinggi
4. Semua orang tidak mengira bangsa dan agama perlu mempelajari bahasa Arab.	38	3.789	1.043	Sederhana Tinggi
5. Bahasa Arab bukan untuk penganut Islam semata-mata di Malaysia.	38	4.684	0.574	Tinggi
6. Bahasa Arab bukan untuk orang Melayu semata-mata di Malaysia.	38	4.576	0.858	Tinggi
7. Belajar bahasa Arab merupakan satu kelebihan bagi saya.	38	4.315	0.739	Tinggi
8. Saya ingin terus mempelajari bahasa Arab selepas tamat pengajian.	38	3.578	0.948	Sederhana Tinggi
9. Bahasa Arab mudah dipelajari.	38	2.868	0.9349	Sederhana Rendah
Purata Skor Min		3.935		Sederhana Tinggi

Jadual 3 menunjukkan 9 item berkaitan persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kesemua item menunjukkan persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab berada di tahap sederhana tinggi. Skor tertinggi dicatatkan pada item “Mempelajari bahasa Arab adalah suatu pengalaman yang menarik” (M=4.578), kemudian disusuli dengan item seterusnya iaitu “Bahasa Arab bukan untuk orang Melayu semata-mata di Malaysia” (M=4.576). Manakala nilai min terendah dicatatkan melalui item “Bahasa Arab mudah dipelajari” iaitu (M=2.868). Selain itu, item “Saya ingin terus mempelajari bahasa Arab selepas tamat pengajian” didapati berada ditahap sederhana tinggi.

Jadual 4: Persepsi Terhadap Pengajaran Bahasa Arab

Item	N	M	SP	Tahap
1. Saya merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab di dalam kelas lebih mudah berbanding belajar bersendirian.	38	4.552	0.685	Tinggi

2. Saya rasa seronok apabila pensyarah bahasa Arab menerangkan sesuatu tentang bahasa Arab.	38	4.342	0.847	Tinggi
3. Pensyarah bahasa Arab saya menerangkan sesuatu dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami.	38	4.552	0.685	Tinggi
4. Pensyarah saya menggunakan medium teknologi untuk menyampaikan kandungan bahasa Arab.	38	4.131	0.963	Tinggi
5. Pensyarah saya menggunakan medium pedagogi yang sesuai ketika mengajar bahasa Arab.	38	4.157	0.822	Tinggi
6. Saya merasakan bahawa minat saya terhadap bahasa Arab bertambah apabila pensyarah mengajar di hadapan.	38	4.210	0.741	Tinggi
7. Saya melihat pensyarah bahasa Arab saya sedaya upaya memahamkan pelajarinya tentang sesuatu topik.	38	4.605	0.638	Tinggi
8. Kandungan modul/buku teks bahasa/bahan pembelajaran Arab didapati menarik dan mudah difahami.	38	4.3947	0.823	Tinggi
Purata Skor Min		4.367 - Tinggi		

Jadual 4 menyenaraikan 8 item berkaitan persepsi responden terhadap pengajaran bahasa Arab. Kesemua item mempamerkan tahap yang tinggi iaitu (M=4.367). Nilai min tertinggi ditunjukkan melalui 2 item menyamai (M=4.552) iaitu “Saya merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab di dalam kelas lebih mudah berbanding belajar bersendirian” menyamai dan item “Pensyarah bahasa Arab saya menerangkan sesuatu dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami”. Majoriti responden bersetuju bahawa penyampaian guru berada di tahap yang baik (M=4.157) dengan mengadaptasi teknologi semasa sebagai alat bantuan mengajar (M=4.131) dan memastikan bahan pembelajaran mudah difahami (M=4.394) disamping menunjukkan semangat yang berterusan untuk memastikan pelajar mereka memahami pelajaran di dalam kelas (M=4.605).

Jadual 5: Pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan prospek kerjaya.

Item	N	M	SP	Tahap
1. Saya boleh mendapat pekerjaan yang baik dengan bahasa Arab.	38	3.526	0.725	Sederhana Tinggi
2. Saya rasa bahasa Arab membantu saya mendapat kerja dengan cepat dan mudah.	38	3.500	0.796	Sederhana Tinggi
3. Saya merasakan bahawa ada keperluan untuk mempelajari bahasa Arab untuk kerjaya pada masa akan datang.	38	3.921	0.784	Sederhana Tinggi
Purata Skor Min		3.649 – Sederhana Tinggi		

Jadual 5 menunjukkan 3 item yang mengukur tahap motivasi responden terhadap propek kerjaya. Kesemua item ini berada di tahap sederhana tinggi (M=3.649). Nilai min tertinggi

dipamerkan melalui item “Saya merasakan bahawa ada keperluan untuk mempelajari bahasa Arab untuk kerjaya pada masa akan datang” (M=3.921). Manakala item “Saya rasa bahasa Arab membantu saya mendapat kerja dengan cepat dan mudah” mencatatkan (M=3.500).

Jadual 6: Pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan pelancongan dan perniagaan

Item	N	M	SP	Tahap
1. Saya berminat untuk melawat negara-negara Timur Tengah dan ingin menggunakan bahasa Arab yang saya pelajari.	38	3.947	0.898	Sederhana Tinggi
2. Saya berminat untuk membuka bisnes di negara Arab.	38	3.052	1.137	Sederhana Tinggi
3. Saya berminat untuk bergaul dan berkomunikasi dengan orang Arab.	38	3.868	0.991	Sederhana Tinggi
Purata Skor Min		3.622		Sederhana Tinggi

Jadual 6 menunjukkan 3 item yang mengukur tahap motivasi responden terhadap aspek pelancongan dan perniagaan. Item “Saya berminat untuk melawat negara-negara Timur Tengah dan ingin menggunakan bahasa Arab yang saya pelajari” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu (M=3.947) manakala item “Saya berminat untuk membuka bisnes di negara Arab” menunjukkan nilai min terendah (M=3.052). Bagi item soalan terakhir, responden diminta untuk memberi cadangan tentang cara meningkatkan minat serta motivasi diri terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat 3 tema penting yang dilontarkan oleh responden.

Dapatan Soal Selidik Terbuka

Dapatan soal selidik terbuka dapat dirumuskan seperti berikut:

a. Aktiviti bahasa Arab

Majoriti responden berpendapat pihak universiti seharusnya menyediakan lebih banyak ruang kepada pelajar bukan Muslim untuk mempraktikkan bahasa Arab di luar kelas. Minggu berbahasa Arab adalah pentas terbaik bagi pelajar untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi untuk mengaplikasi setiap pelajaran yang dipelajari. Sebagai contoh, aktiviti perbualan dan nyanyian dalam kumpulan membantu pelajar untuk mudah mengingat frasa-frasa bahasa Arab seharian. Tambahan pula, terdapat responden berpendapat bahawa aktiviti seperti Malam Gala Arab atau “Arabian Night” seharusnya diadakan bagi menonjolkan budaya dan adat resam bangsa Arab kepada pelajar. Selain itu, responden turut mencadangkan agar diadakan aktiviti lawatan luar kampus bagi tujuan bersuai kenal bersama orang-orang Arab yang melancong di sekitar Sabah.

b. Pedagogi

Responden mencadangkan agar tenaga pengajar bahasa Arab menggunakan kaedah visual semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas seperti menayangkan video perbualan bahasa Arab yang mudah difahami dan diikuti. Selain itu, terdapat responden berpendapat kewajaran untuk menghargai pelajar yang aktif mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Ini mendorong pelajar tersebut untuk sentiasa bersemangat dan lebih bermotivasi untuk

mempelajari bahasa Arab. Aktiviti permainan berkaitan bahasa Arab juga antara cadangan yang dikemukakan oleh responden bagi memastikan suasana kelas sentiasa hidup dan tidak bersifat satu hala semata-mata. Tambahan pula, aktiviti seperti kuiz bersifat formatif secara berkala juga dicadangkan agar pelajar dapat menguji tahap kefahaman masing-masing. Tenaga pengajar juga disarankan juga untuk mengadakan kelas intensif berkala untuk mempraktikkan cara sebutan dan intonasi perkataan bahasa Arab dengan jelas dan betul kepada pelajar bukan Muslim.

c. Kandungan bahasa Arab

Responden mengemukakan pandangan bahawa kandungan bahan dalam modul semasa bersifat kaku dan tidak membantu pelajar untuk mempelajarinya secara sendiri. Mereka mencadangkan agar penyampaian kandungan bahan tersebut lebih menarik dan interaktif beserta ilustrasi dan animasi seperti peta minda dan gambar. Selain itu, responden menyarankan agar disisipkan juga nota poket yang mudah dibawa kemana sahaja. Responden juga melihat ada keperluan untuk menyediakan bahagian transliterasi pada setiap teks di dalam modul pelajaran.

PERBINCANGAN DAPATAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar bukan Muslim di UiTM Sabah positif dengan pembelajaran bahasa asing. Mereka menunjukkan minat dan motivasi yang tinggi terhadap mana-mana bahasa selain dari bahasa Arab. Ini dapat dilihat melalui item “Saya ingin belajar bahasa asing yang lain selepas mempelajari bahasa Arab” yang membawa nilai ($M=4.421$). Responden juga dilihat optimis untuk mempraktikkan bahasa asing yang dipelajari dengan baik ($M=4.657$). Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan Aladdin (2010) dan Chalak and Kassaian (2010). Namun begitu, reaksi responden sedikit berbeza apabila berkaitan pembelajaran bahasa Arab. Tahap motivasi responden terhadap bahasa Arab berada di tahap sederhana tinggi berbeza dengan reaksi mereka terhadap bahasa asing yang lain. Bahasa Arab dilihat sukar dipelajari ($M=2.868$). Menurut Aladdin (2013) kesukaran ini berpunca dari pelbagai faktor antaranya faktor individu, guru, kandungan bahan pembelajaran, masa dan lain-lain. Walaupun faktor-faktor ini memberi kesan kepada motivasi responden, namun mereka dilihat masih ingin mempelajari bahasa ini selepas tamat pengajian ($M=3.578$).

Peranan guru dilihat sebagai elemen penting dalam memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Menurut Jaafar et al (2022) dan Azlan et al (2023) guru perlu menyiapkan diri dengan kemahiran serta kreativiti yang tinggi untuk memastikan teknik pengajaran yang disampaikan berkesan seiring dengan teknologi semasa. Sesi pengajaran akan lebih mencabar apabila terdapat dua kelompok pelajar yang berbeza tahapnya di dalam sesebuah kelas. Namun begitu, cabaran ini mampu ditangani sekiranya guru mampu mengendalikan kelas dengan baik. Ini dapat dilihat melalui item “Saya melihat pensyarah bahasa Arab saya sedaya upaya memahami pelajarannya tentang sesuatu topik” ($M=4.605$). Secara umumnya, responden menunjukkan sikap yang sangat positif terhadap kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru di dalam kelas ($M=4.367$).

Penawaran kursus bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim di UA bukan suatu perkara yang baru. Tujuan pembelajaran bahasa ini bukanlah dibina atas faktor agama seperti pelajar Muslim. Maka, tujuan kursus yang ditawarkan kepada pelajar bukan Muslim perlu lebih realistik dengan matlamat yang jelas agar bahasa ini dapat dikuasai oleh mereka. Pengkaji berpendapat tujuan

pembelajaran bahasa ini adalah bersifat orientasi kerjaya (*career orientation*). Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi responden terhadap tujuan kerjaya berada di tahap sederhana tinggi. Ini dapat dilihat melalui item “Saya rasa bahasa Arab membantu saya mendapat kerja dengan cepat dan mudah” yang menunjukkan nilai min ($M=3.500$). Manakala dari sudut motivasi responden terhadap tujuan perniagaan pula menunjukkan reaksi yang sama iaitu ($M=3.052$). Responden menunjukkan motivasi sederhana tinggi dari sudut tujuan pelancongan khususnya melalui item “Saya berminat untuk melawat negara-negara Timur Tengah dan ingin menggunakan bahasa Arab yang saya pelajari” ($M=3.947$).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian persepsi dan motivasi pelajar bukan Muslim terhadap bahasa Arab perlu diberi penekanan besar oleh institusi pengajian tinggi (UA) khususnya pengajar, pembangun silibus dan pembuat polisi (policy maker). Persepsi negatif terhadap bahasa ini perlu ditangani agar motivasi pelajar tidak terjejas akibat faktor-faktor tertentu. Tujuan pembelajaran bahasa ini perlu jelas dan selari dengan keperluan mereka pada masa akan datang. Peranan guru amat penting dalam memupuk minat yang tinggi terhadap bahasa Arab disamping sedaya upaya mencipta suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan sama ada di dalam atau di luar kelas. Pelbagai alternatif dan kaedah penyampaian yang berkesan perlu dibincangkan oleh pengkaji bagi memastikan bahasa Arab kekal relevan sebagai salah satu kursus elektif atau bahasa asing yang harus dikuasai oleh pelajar bukan Muslim yang datang dari pelbagai latarbelakang budaya, etnik dan agama di Malaysia. Sebagai cadangan akan datang, pengkaji merasakan adanya keperluan untuk melakukan kajian-kajian lanjut. Dicadangkan agar saiz sampel kajian ini diperluaskan ke semua UA untuk mendapatkan dapatan yang lebih tepat dan seterusnya memberi gambaran senario sebenar tentang isu permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar bukan Muslim di Malaysia.

Rujukan

- Arifin Z., Bakar N. K., Ridzwan Z. Jamsari E.A. (2021). Language learning strategies of non-muslim students applied to arabic language course inside and outside the classroom. *Journal of Arabic Learning Ijaz Arabi*, 1-10.
- Aladdin A. (2010). Non-Muslim Malaysian learners of Arabic (NMMLAS): An investigation of their attitudes and motivation towards learning Arabic as a foreign language in multiethnic and multicultural Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Science*, 9,1805-1811.
- Aladdin A. (2013). Demotivating factors in the Arabic language classroom: What demotivates non-Muslim Malaysian learners when it comes to learning Arabic? *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 93, 1652–1657.
- Azlan Shaiful Baharum, Ummu-Hani Abas, Ahmad Asyraf Mat Ali, Mohd Naser Mohd Sabri, Mohamad Hazwan Abdul Rahman, Mohamad Shukri Yazid. (2023). Platform bahan pembelajaran bahasa arab interaktif dalam proses p&p: Kajian awal keperluan di USIM [Interactive learning arabic materials platform in T&L process: A preliminary study at USIM]. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 5(1) 17-28.

- Chalak, A. & Kassaian, Z. (2010). Motivation and attitudes of Iranian undergraduate EFL students towards learning English. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2), 37-56.
- Cohen, M., & Dörnyei, Z. (2002). Focus on the language learner: *Motivation, styles, and strategies*. In N. Schmitt (Ed.), *An Introduction to Applied Linguistics*. London: Arnold. 170-190.
- Creswell, J. W. (2011). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Boston: Pearson Education.
- Jaffar MN, Mahmud NH, Amran MF, Abdul Rahman MH, Abd Aziz NH and Che Noh MA. (2022). Online learning and teaching technology services: USIM's experience during covid-19 pandemic. *Front. Educ.* 7:813679. Doi: 10.3389/feduc.2022.813679
- Jumadi, Masithoh I. N. (2023). Strategi dosen mengatasi kesulitan belajar mahasiswa non muslim dalam pembelajaran bahasa arab di universitas pendidikan muhammadiyah Sorong. *Jurnal Pendidikan Agama Islam PAIDA*. 2(1) 156-169.
- Mohamad Hazwan A. Rahman. (2021). Mustawa Fahm al-Mufradāt al-Lughawīyyah Laday Talabat al-Markaz al-Tamhīdībi Jāmi'ah al-'Ulūm al-Islāmīyyah al-Mālīzīyyah [The Understanding Level of Arabic Vocabulary Among Students of Tamhidi Centre, Universiti Sains Islam Malaysia]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*,1(1),98-110.
- Manurung C., Letmiros L. (2023). Factors Affecting Non-Muslim Students Of Faculty Of Humanities Of Universitas Indonesia Towards ArabicInternational Review of Humanities StudiesInter. V8(1),170-181.
- Nasir M. S., Sahrir M. S. & Yahaya M. F. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 30, 51-72.
- Nasir M.S., Zainuddin N., Sahrir M. S. (2017). Persepsi Pelajar Bukan Muslim Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Islamiyyat* 39(1), 29–37.
- Nunnaly, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Ritongga M., Wahyuni S, Novigator H. (2023). The future of Arabic language learning for non-Muslims as an actualization of Wasathiyah Islam in Indonesia. *F1000 research* 2023. 1-14.
- Robinson, R.S. (2014). Purposive Sampling. In: Michalos, A.C. (eds) *Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. Springer, Dordrecht. https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_2337

- Sahrir, M.S. (2015). *Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti*. Berita Harian. p. 36.
- Sahrir, M.S., & Muhammad, I.S. (2019). Tinjauan respons pelajar terhadap program akademik Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6 (1), 248-262. ISSN 2462-1692 E-ISSN 2289-8042.
- Sahrir, M.S, Osman, N. & Muhammad, I.S.,. (2022). Kajian rintis pembelajaran tatabahasa bahasa Arab bagi tujuan ibadah dalam kalangan pelajar dewasa di UMCCeD, Universiti Malaya = A pilot study on the learning of Arabic grammar for the purpose of worship among adult learners at UMCCeD, University of Malaya. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 4 (2), 1-15. E-ISSN 2682-8987.
- Shaiful Baharum, A., & Abdul Rahman, M. H. (2020). Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa dalam Sintaksis Bahasa Arab. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 59-85. Retrieved from <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/85>
- Wahyuni I. W. Ahmad M.Mulyanti S. (2011). Sikap Siswa Non Muslim dalam Mengikuti Pelajaran Arab Melayu. *Jurnal Al-Hikmah*. v8(1). 88-95.
- Yazid M.T. Sulong W.M. Mustapha N.F. (2022). Teknik pelajar bukan Muslim belajar bertutur bahasa arab secara dalam talian. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 22(4) 327-350.
- Yusri G., Yusoff N. M. R., Shah P. M., Wah H. S. & Hassan A. T. (2012). Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27, 37-50.